

20 MAY 2002

Najib-BN

BN TIDAK BOLEH BERDIAM DIRI DLM MENGHADAPI SERANGAN PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN), khususnya Umno, sememangnya tidak boleh lagi bersikap defensif dalam usaha melawan parti pembangkang, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata sikap berdiam diri tidak dapat membantu membuktikan kebenaran BN, dan menunjukkan seolah-olah BN sememangnya bersalah.

"Kita juga tahu kelemahan pembangkang, seperti tidak menepati janji dan tidak mempunyai persefahaman sesama sendiri", katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang Kementerian Pertahanan selaku menteri berkenaan di sini hari ini.

Tujuh puluh lima pegawai dan anggota lain-lain pangkat serta 25 pegawai dan anggota awam menerima anugerah pada majlis hari ini.

Najib juga diminta mengulas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN, yang mahukan semua parti komponen BN mengambil pendekatan menyerang dan tidak boleh lagi berdiam diri dalam usaha melawan parti pembangkang.

Najib berkata serangan yang dilakukan terhadap pembangkang bagaimanapun perlulah berdasarkan prinsip demi menjamin keselamatan negara.

Mengenai saranan Dr Mahathir supaya dielakkan perbuatan suka merebut jawatan tinggi dalam parti, beliau berkata ini bagi mengelakkan konflik dalam parti.

Beliau berkata perpaduan yang wujud dalam parti-parti komponen adalah kunci kejayaan BN dan akan memberikan imej yang baik kepada rakyat.

-- BERNAMA

HM HK RON